

# Kini lebih mudah dibeli

■ Pendedahan eksklusif Harian Metro permudahkan orang ramai dapatkan bekalan



“Kami harap bekalan yang baru sampai ini mencukupi untuk menampung permintaan”

Muhammd Firdaus Yusoff

pemasaran Kedai Rakyat Agro Bazar di Puchong Perdana Mustafa Hassan berkata, dia baru menerima bekalan 500 kampak beras 10 kilogram beras ST15 semalam yang permintaannya tinggi sejak beberapa minggu lalu.

“Mungkin ia disebabkan pendedahan isu penyelewengan sebelum ini, tetapi kami akan sentiasa memastikan bekalan ini mencukupi walaupun mendapat keuntungan sedikit,” katanya.

Pembantu Pengurus sebuah kedai serbaneka di Bangsar Muhammd Firdaus Yusoff, 22, berkata, pihaknya menerima kira-kira 15 kampak beras Beras Nasional ST15 beberapa hari lalu, selepas mengalami kekurangan bekalan sejak sebulan lalu.

“Kami harap bekalan yang baru sampai ini mencukupi untuk menampung permintaan,” katanya.

Laporan eksklusif secara bersiri Harian Metro sejak 23 Oktober lalu, mendedahkan penyelewengan dan ketirisan beras ST15 apabila dianggar 30,000 tan bekalan komoditi itu dengan nilai subsidi RM12 juta, dipercayai mengalami ketirisan setiap bulan.

Sumber mendedahkan, 10,000 tan beras berkenaan dibekalkan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) kepada pemborong dengan harga subsidi RM1,350 setiap tan, ‘wujud’ di pasaran.

Laporan bersiri itu mendedahkan ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fa-

kulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia Serdang terhadap empat sampel beras 10 kilogram, mendapati semuanya mempunyai peratusan hancur berkali ganda jauh lebih tinggi berbanding yang dicatat pada label.

Hasil kajian mendapati beras ST15 sepatutnya mempunyai 15 peratus beras hancur mempunyai hampir 36.55 peratus hancur manakala beras Super Special Tempatan lima peratus hancur mengandungi 27 peratus hancur.

Selepas hampir sebulan pendedahan, isu penyelewengan beras ST15 mendapat perhatian Ahli Parlimen pada sesi Dewan Rakyat, 19 November lalu apabila Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir mempersoalkan mengenai tindakan yang akan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kerana pengguna ditipu berikutan beras ST15 yang dibeli sebenarnya 36.55 peratus hancur.

Beliau mencelah ketika Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, membuat pengumpulan Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 di peringkat jawatankuasa KPDNKK, yang kemudian menjawab pihaknya bersedia mengambil tindakan berdasarkan aduan pengguna selain bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam isu berkenaan.

Laporan eksklusif Harian Metro itu mencapai kemuncaknya apabila Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam persidangan Dewan Rakyat keesokannya, mengumumkan lesen semua 600 pemborong beras dibatalkan dan dikehendaki menjalani proses temu duga



PEKERJA kedai runcit menyusun stok beras.



se-mula sebelum yang benar-benar layak akan memperolehnya semula.

Beliau menjawab selepas isu ketirisan dan penyelewengan penjualan beras ST15 dibangkitkan Abd Aziz yang meminta sistem pengurusan pengedaran beras ST15 diperkemas supaya sampai kepada golongan sasaran iaitu rakyat berpendapatan rendah di seluruh negara.

Dalam jawapannya, Ismail Sabri berkata, arahan pembatalan lesen kepada 600 pemborong sudah dikeluarkan kementerian bulan berkenaan (November) bagi



LAPORAN Harian Metro 23 Oktober lalu.

menjalani proses temu duga semula selain tangkapan oleh pegawai Kawal Selia Padi Beras (KPB) terhadap 29 pemborong.

“Pada bulan ini kita keluaran arahan batal semua seluruh 600 pemborong yang mengampit beras ini. Kita batalkan lesen mereka

dan akan temu duga semula, mana yang tak jujur dalam proses pengampitan dan sebagainya kita akan batalkan.

“Selepas pendedahan Harian Metro, kita juga membuat tangkapan 29 pemborong dan serta-merta batalkan lesen mereka,” katanya.

Hasil pendedahan eksklusif secara bersiri oleh Harian Metro mengenai isu ketirisan subsidi beras Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15) sejak dua bulan lalu, masalah kekurangan penjualan komoditi itu di pasaran kini tidak lagi membelenggu pembeli, terutama golongan berpendapatan rendah.

Tinjauan di beberapa pasar mini termasuk kedai runcit sekitar Nusaputra, Puchong Perdana, Subang Jaya dan Bangsar mendapati beras jenama Beras Nasional dalam pek biru, boleh didapati dengan mudah di semua lokasi berkenaan.

Pekerja swasta, Faizal Mohd Rafie, 38, berkata, sebelum ini dia memang membeli beras Beras Nasional pada harga RM17.50 untuk kampak 10 kilogram, tetapi terpaksa menggunakan jenama lain yang lebih mahal apabila ia sukar didapati sejak hampir dua bulan lalu.

“Bagaimanapun, hari ini saya terkejut apabila mendapati bekalan beras Beras Nasional ini begitu banyak di rak jualan pasar berhampiran rumah sedangkan sebelum ini ia cepat habis atau sukar didapati.

“Terima kasih kepada peruncit dan kerajaan kerana mengembalikan beras ST15 ke pasaran untuk membantu golongan berpendapatan rendah seperti saya,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kerani, Norkhalilah Ahmad Nawawi, 33, turut lega apabila bekalan komoditi itu dapat membantu meringankan bebannya yang tinggal di bandar berikutan kos sara hidup yang tinggi.

“Bagi keluarga tiada anak, perbelanjaan dapur mereka mungkin tidak terkesan tanpa subsidi beras, tetapi untuk ibu beranak empat seperti saya, ia memberi banyak penjimatan.

“Setiap bulan kami memerlukan 15 kilogram beras untuk bekalan selama dua bulan dan dengan harga RM17.50 sekampak, ia menjimatkan perbelanjaan dapur,” katanya.

Pandangan sama dikongsi Norazlin Tajol Amiruddin, 25, yang berterima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kerana berjaya menyelesaikan isu rakyat yang dibebani dengan penyelewengan beras ST15 sebelum ini.

“Pemberian subsidi ini menyebabkan rakyat tidak lagi dibebani dengan masalah kewangan dan saya yakin kesannya amat besar kepada seluruh masyarakat,” katanya.

Sementara itu, kakitangan